

## Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik

*Risk factors that contribute towards deviant behavior: A systematic review*

**N.K. Tharshini & Fauziah Ibrahim**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Email: stharshini@unimas.my

### Abstrak

Artikel ini disediakan bagi mengulas faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian. Satu kajian ulasan sistematik telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku berisiko dengan menggunakan pangkalan data *Emerald*, *Elsevier*, *Sage* and *Google Scholar*. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku devian iaitu: (i) faktor individu, (ii) faktor keluarga, (iii) faktor rakan sebaya, (iv) faktor persekolahan dan (v) faktor komuniti. Dapatkan kajian turut menjelaskan bahawa faktor berisiko meningkatkan lagi peluang keterlibatan seseorang individu dengan aktiviti jenayah serta menyumbang ke arah peningkatan dalam kadar residivisme. Hasil kajian ini, dapat memberi implikasi kepada pihak berkepentingan mengenai domain yang menyumbang kepada tingkah laku devian agar langkah pencegahan dapat diambil bagi mengawal penularan gejala sosial.

**Kata kunci:** berisiko; devian; faktor; tingkah laku; ulasan, sistematik

### Abstract

*This article is prepared to review risk factors which contribute towards deviant behavior. A systematic review was conducted to obtain information regarding the factors that influence risk behavior in databases such as Emerald, Elsevier, Sage and Google Scholar. The result indicates that there are five main factors which contribute towards deviant behavior namely; (i) individual factor, (ii) family factor, (iii) friends factor, (iv)school factor, and (v) community factor. The finding also stipulates that risk factors enhance the potential of an individual to get involved in criminal activities as well as contributes towards intensifying the recidivism rate. The findings of the study implicates the concerned parties regarding the domains that contribute towards deviant behavior so that a preventive measure can be initiated to control the escalation of social phenomena.*

**Keywords:** behavior, deviant, factor, risk, review, systematic

### Pengenalan

Penglibatan seseorang individu dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada empat peringkat yang berbeza, iaitu: (i) peringkat penyertaan, (ii) peringkat kekerapan, (iii) peringkat kesungguhan dan (iv) peringkat penerusan (Buckley & Chapman, 2017; Shore & Janssen, 2020). Menurut Vincent et al. (2012) individu yang berisiko tinggi untuk terlibat dengan kesalahan jenayah akan mempamerkan beberapa ciri-ciri tingkah laku yang ketara seperti; (i) sering kali menarik diri daripada terlibat dengan aktiviti sosial disebabkan berasa kurang selesa, (ii) mengelakkan diri daripada berkomunikasi dengan orang lain, (iii) melibatkan diri dengan perlakuan vandalisme (merosakkan harta benda awam), (iv) bertingkah laku agresif sehingga tergamak mencederakan kanak-kanak atau orang tua, (v) terlibat dengan perlakuan yang mampu mengganggu ketenteraman orang lain (bagi mendapatkan perhatian), (vi) bersikap kurang matang dan mudah marah apabila berhadapan dengan sesuatu krisis serta (vii) tidak tahu membezakan cara untuk berkomunikasi dengan golongan dewasa dan kanak-kanak.

Bukti empirikal menunjukkan bahawa faktor berisiko menyebabkan seseorang individu berpotensi tinggi untuk terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial seperti memukul, merogol, mengancam ketenteraman orang lain, membunuh, memeras ugut dan mencuri (Sadzaglishvili, 2016; Shore & Janssen, 2020). Secara lazimnya, faktor berisiko dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu: (i) faktor statik dan (ii) faktor dinamik (Vincent et al. 2012). Vincent et al. (2012) menjelaskan bahawa faktor statik menyebabkan tingkah laku seseorang individu tidak dapat diubah walaupun telah melalui beberapa sesi rawatan dan pemulihan, sebaliknya faktor dinamik merujuk kepada tingkah laku individu yang boleh diubah mengikut peredaran masa sekiranya mengikuti beberapa sesi rawatan pemulihan yang berterusan.

Menurut Mmari et al. (2010), Reingle et al. (2012) dan Shore et al. (2020), kecenderungan untuk terlibat dengan aktiviti jenayah tidak dipengaruhi oleh satu faktor berisiko sahaja sebaliknya gabungan pelbagai faktor berisiko meningkatkan lagi potensi seseorang individu untuk terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang yang termaktub di sebuah negara. Justeru, gambaran jelas berkaitan dengan faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian adalah amat penting bagi mengenalpasti serta merangka program pencegahan yang efektif dalam membendung penularan gejala antisosial khususnya dalam kalangan generasi muda.


## Metodologi Kajian

Satu kajian ulasan sistematik dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian. Kata kunci seperti “faktor-faktor berisiko”, “tingkah laku devian” dan “jenayah” ditemui dalam pangkalan data seperti *Emerald, Elsevier, Sage and Google Scholar* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku devian, iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bermula daripada 1 Januari 2009 hingga 1 Januari 2020, (ii) data kualitatif yang merangkumi hasil temu bual bersama dengan pegawai lapangan/pihak berkuasa polis/bekas banduan/pegawai penjara serta (iii) kajian yang melibatkan sekurang-kurangnya 15 individu sebagai responden kajian (bagi mengurangkan bias yang berkaitan dengan kesahan dan kebolehpercayaan data serta saiz sampel yang tidak mencukupi).

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan sebuah ulasan sistematik yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualiaan/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang tidak lengkap berkaitan dengan faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian. Rajah 1 menunjukkan proses menjalankan ulasan sistematik dalam kajian ini.

### Rajah 1: Proses Menjalankan Ulasan Sistematis



### Dapatan Kajian

Berpandukan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan, terdapat lima faktor utama yang menyumbang kepada keterlibatan seseorang individu dengan tingkah laku devian iaitu: (i) faktor individu itu sendiri, (ii) faktor keluarga, (iii) faktor rakan sebaya, (iv) faktor persekolahan dan (v) faktor komuniti.

#### Faktor Individu

Faktor individu yang mendorong seseorang manusia untuk terlibat dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu; (i) gender, (ii) usia dan (iii) trait personaliti.

##### Gender

Faktor gender merupakan dimensi penting bagi meramal keterlibatan seseorang individu dengan tingkah laku devian (Alcock et al. 2018). Menurut Baillargeon et al. (2012), golongan lelaki lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku devian berbanding golongan wanita. Selain itu, berdasarkan aspek jenis kesalahan pula, Alcock et al. (2018) menjelaskan bahawa golongan lelaki lebih berpotensi tinggi untuk terlibat dengan gejala mencuri, ragut, vandalisme dan membunuh sebaliknya golongan wanita lebih cenderung untuk terlibat dengan masalah pelacuran dan penyalahgunaan dadah. Tinjauan yang telah dijalankan oleh *United States Public Health Service* (2012) mendapati bahawa sejumlah 42.0% daripada remaja perempuan yang pernah mengalami penderaan daripada aspek fizikal, emosi dan seksual pada peringkat kanak-kanak lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah apabila meningkat dewasa.

Keputusan analisis-meta menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari aspek faktor gender dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu di mana kajian mendapati

bahawa golongan lelaki lebih cenderung untuk terlibat dengan jenayah kekerasan seperti membunuh dan memukul orang lain sebaliknya golongan wanita lebih cenderung untuk terlibat dengan kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah (National Longitudinal Survey of Children and Youth, 2011). Selain itu, Cusimano et al. (2013) menjelaskan bahawa golongan lelaki lebih cenderung untuk terlibat dengan salah laku jenayah kerana mereka mudah bertingkah laku agresif serta suka mendominasi orang lain berbanding dengan golongan wanita yang mempunyai ciri-ciri feminin seperti bertimbang rasa dan penyayang. Tambahan pula, Lynam et al. (2009) menyatakan bahawa golongan wanita bermotivasi rendah untuk terlibat dengan aktiviti jenayah kerana berasa takut untuk berhadapan dengan masalah stereotaip dan stigma negatif daripada masyarakat sejagat.

Kajian yang telah dijalankan oleh Barnes et al. (2013) mendapati bahawa kadar hormon testosteron yang tinggi dalam kalangan golongan lelaki meningkatkan lagi tingkah laku agresif serta mendorong mereka untuk terlibat dengan kesalahan jenayah berbanding dengan golongan wanita. Seterusnya, *Federal Bureau of Investigation* (2012) menjelaskan bahawa motivasi turut memainkan peranan signifikan dalam menentukan keterlibatan seseorang individu dengan aktiviti jenayah di mana golongan lelaki lebih cenderung untuk terlibat dengan jenayah kekerasan seperti membunuh, merompak dan merogol disebabkan mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengambil risiko sewaktu terlibat dengan aktiviti jenayah sebaliknya golongan wanita hanya terlibat dengan jenayah kekerasan apabila berhadapan dengan situasi yang terdesak sahaja.

### Usia

Menurut Cusimano et al. (2013), individu yang terlibat dengan tingkah laku devian seawal usia 13 tahun lebih berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan jenayah harta benda apabila meningkat dewasa sebaliknya satu kajian yang telah dijalankan oleh Alcock et al. (2018) mendapati bahawa individu yang ditahan di institusi pemulihan akhlak sebelum mencapai usia 13 tahun adalah lebih cenderung untuk terlibat dengan jenayah kekerasan apabila mencapai usia 18 tahun. Kanak-kanak yang terlibat dengan tingkah laku devian seawal usia 8 hingga 10 tahun diramal akan cenderung untuk terlibat semula dengan kesalahan jenayah sebelum mencapai usia 21 tahun (Fleming et al. 2010; Shore et al. 2020). Seterusnya, Brezina (2010) menjelaskan bahawa individu yang terlibat dengan aktiviti jenayah pada peringkat usia muda lebih berisiko tinggi untuk melakukan kesalahan jenayah yang lebih ganas apabila seseorang itu meningkat dewasa. Selain itu, Brezina (2010) turut mendapati bahawa individu yang pernah terlibat dengan tingkah laku devian semasa berusia **antara** 10 hingga 16 tahun adalah lebih berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan jenayah kekerasan apabila mencapai peringkat usia 24 tahun.

Satu kajian longitudinal yang telah dijalankan oleh Bersani et al. (2009) mendapati bahawa seseorang individu akan kurang terlibat semula dengan aktiviti jenayah selaras dengan peningkatan usia mereka. Pandangan Bersani et al. (2009) adalah selari dengan maklumat yang dijelaskan dalam “*age-crime curve*”, iaitu pola keterlibatan dengan aktiviti jenayah akan bermula pada peringkat remaja serta terus meningkat sehingga mencapai peringkat dewasa awal dan seterusnya menunjukkan penurunan yang ketara apabila mencapai peringkat dewasa akhir (Buckley et al. 2017). Tambahan pula, menurut *Australian Institute of Criminology* (2012); golongan muda yang berada dalam lingkungan usia 15 hingga 19 tahun lebih banyak terlibat dengan kesalahan mencuri dan kesalahan sabit manusia, sebaliknya golongan dewasa yang berusia 21 tahun dan ke atas adalah lebih cenderung untuk terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah.

### Trait Personaliti

Personaliti manusia terbentuk daripada tiga dimensi yang berbeza iaitu *id*, *ego* dan *superego* di mana Beaver dan Belsky (2012) menjelaskan bahawa tenaga *libido* yang terpendam dalam diri manusia akan menguatkan lagi elemen *id* serta meningkatkan perasaan memberontak yang seterusnya mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial. Menurut Beaver dan Belsky (2012), tingkah laku antisosial dibahagikan kepada dua aspek utama, iaitu: (i) tingkah laku reaktif dan (ii) tingkah laku proaktif. Secara amnya, individu yang

mempamerkan tingkah laku reaktif akan bertindak secara drastik apabila berhadapan dengan sesuatu ancaman dan kekecewaan sebaliknya tingkah laku proaktif merupakan personaliti terselindung yang hanya akan ditampilkan dalam situasi tertentu sahaja.

Secara amnya, individu yang terlibat dengan tingkah laku devian didapati mempunyai masalah kemurungan, agresif, impulsif serta kerap mengalami gangguan emosi (Baillargeon et al. 2012; Shore et al. 2020). Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh *Child Welfare League of America* (2015) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang bertingkah laku agresif sebelum mencapai usia lapan tahun lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku antisosial apabila meningkat dewasa manakala individu yang mempunyai masalah *Conduct Disorder* lebih banyak melakukan kesalahan-kesalahan seperti mencuri, memukul dan membuli orang lain. Tambahan pula, bukti empirikal menjelaskan bahawa kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku hiperaktif berisiko tinggi untuk terlibat dengan jenayah keganasan apabila meningkat dewasa (Beaver & Belsky, 2012).

Lynam et al. (2009) menjelaskan bahawa personaliti psikotik merupakan peramal signifikan kepada keterlibatan seseorang individu dengan kesalahan jenayah seperti mencuri, merompak, meragut, merogol, membunuh dan membuli. Hasil analisis-meta menjelaskan bahawa personaliti psikotik mendorong seseorang individu untuk melanggar peraturan dan undang-undang yang termaktub di sesebuah negara (Lynam et al. 2009). Secara lazimnya, individu yang mempunyai masalah psikopati mempunyai ciri-ciri personaliti seperti: (i) emosi yang kurang stabil, (ii) bersikap manipulatif serta (iii) kurang bersifat empati (Beaver & Belsky, 2012). Seterusnya, Beaver dan Belsky (2012) turut menyatakan bahawa personaliti psikopati merupakan peramal signifikan kepada peningkatan dalam kadar residivisme, iaitu individu yang mempunyai trait psikopati semasa berusia 9 hingga 18 tahun diramal akan terlibat dengan jenayah kekerasan serta menunjukkan risiko residivisme empat tahun kemudiannya.

## Faktor Keluarga

Faktor keluarga yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu; (i) gaya keibubapaan, (ii) konflik dalam keluarga dan (iii) sejarah jenayah dalam keluarga.

### Gaya Keibubapaan

Gaya keibubapaan yang tidak konsisten merupakan peramal utama kepada keterlibatan golongan muda dengan salah laku jenayah (Brezina, 2010). Secara lazimnya, terdapat tiga faktor utama yang mendorong seorang remaja untuk terlibat dengan tingkah laku devian iaitu: (i) konflik antara ibu bapa, (ii) kurang pemantauan dan perhatian daripada ibu bapa serta (iii) tiada interaksi yang positif antara ahli keluarga (Chui et al. 2014). Selain itu, kawalan dan pantauan yang rendah daripada ibu bapa serta hukuman yang berat bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh anak-anak juga meningkatkan lagi risiko keterlibatan dengan gejala antisosial bagi kanak-kanak lelaki yang berusia antara 7 hingga 13 tahun (Brezina, 2010).

Chui et al. (2014) dan Shore et al. (2020) mendapati bahawa kanak-kanak lelaki yang dibesarkan oleh ibu bapa yang mempraktikkan gaya keibubapaan yang terlalu ketat/berdisiplin (bersifat permisif) lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku devian. Selain itu, Brezina (2010) menjelaskan bahawa gaya keibubapaan autoritarian, kurang pemantauan daripada ibu bapa, disiplin yang terlalu ketat serta pengabaian tanggungjawab oleh kedua-dua ibu bapa menyebabkan anak mereka lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku devian apabila mencapai usia 14 tahun.

Menurut pandangan Doran et al. (2012), kawalan disiplin yang terlalu longgar, kurang penyeliaan/pantauan daripada ibu bapa serta pola komunikasi yang lemah antara ahli keluarga akan memberi impak negatif terhadap perkembangan kanak-kanak serta mendorong mereka untuk terjebak dengan tingkah laku devian. Selain itu, satu kajian longitudinal yang telah dijalankan oleh South

*Australia Department of Justice* mendapati bahawa golongan remaja yang tidak dikawal oleh ibu bapa lebih mengutamakan kebebasan dan emansipasi daripada penjaga sehingga terjebak dengan masalah antisosial.

### *Konflik dalam Keluarga*

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Lansford (2018) mendapati bahawa remaja perempuan lebih mudah mengalami tekanan emosi apabila kerap melihat pergaduhan di antara ibu bapa mereka berbanding dengan remaja lelaki. Perbalahan serta perceraian yang berlaku dalam keluarga mampu menjelaskan kestabilan keluarga, mewujudkan masalah kekurangan kasih sayang serta meningkatkan perasaan tertekan sehingga mendorong kanak-kanak untuk menghisap dadah/ganja/syabu (Lansford, 2018). Selain itu, kajian menunjukkan bahawa perbalahan dan perpisahan yang wujud antara ibu bapa menyebabkan remaja perempuan lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan kegiatan jenayah berbanding dengan remaja lelaki (Piquero, 2011; Beaver et al. 2012).

Kanak-kanak lelaki berisiko tinggi untuk terjebak dengan tingkah laku devian sekiranya ibu bapa mereka bercerai sewaktu kanak-kanak tersebut berusia 10 tahun (Piquero, 2011; Shore et al. 2020). Piquero (2011) menjelaskan bahawa masalah perceraian yang berlaku di antara ibu bapa akan menjadi suatu “peristiwa” negatif dalam kehidupan anak-anak serta mampu menjelaskan perkembangan diri mereka. Selain itu, perceraian dan perpisahan yang berlaku antara ibu bapa turut menyebabkan anak-anak berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka seperti: (i) kurang menerima sokongan sosial daripada ibu atau bapa, (ii) wujud perasaan rendah diri kerana telah diabaikan oleh ibu atau bapa serta (iii) timbul keraguan terhadap peranan ibu bapa sebagai penjaga utama (Piquero, 2011).

Menurut Piquero (2011), kanak-kanak yang pernah didera oleh ibu atau bapa tiri pada peringkat usia muda berisiko tinggi untuk terjebak dengan salah laku jenayah apabila meningkat dewasa. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Moffitt et al. (2011) mendapati bahawa kanak-kanak lelaki yang mempunyai bapa yang suka memukul atau mendera pasangan masing-masing berisiko tinggi untuk terlibat dengan perlakuan yang sama apabila meningkat dewasa. Selain itu, peranan seorang bapa dalam sesebuah keluarga menjadi penentu signifikan terhadap keterlibatan anak lelaki mereka dalam masalah antisosial. Hal ini demikian kerana, menurut Moffitt et al. (2011) remaja lelaki yang tidak mempunyai hubungan yang positif dengan bapa mereka lebih cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku devian seperti mencuri, merosakkan harta benda awam serta milarikan diri daripada rumah berbanding dengan remaja lelaki yang mempunyai hubungan yang rapat dengan bapa mereka.

### *Sejarah Jenayah dalam Keluarga*

Penglibatan ibu atau bapa dengan aktiviti jenayah menyebabkan anak mereka terdedah kepada pelbagai risiko negatif seperti: (i) berhadapan dengan perasaan trauma, (ii) wujud perapatan yang rendah bersama ibu atau bapa, (iii) menimbulkan situasi yang tegang dalam keluarga serta (iv) meningkatkan stigma negatif daripada persekitaran sosial (Taylor, 2015). Menurut Lansford (2018), sejarah keterlibatan ibu atau bapa dengan aktiviti jenayah menyebabkan anak-anak berhadapan dengan pelbagai jenis masalah seperti: (i) tidak mempunyai “role-model” yang boleh dijadikan sebagai sumber panduan dalam kehidupan mereka, (ii) mempunyai kemahiran daya tindak yang lemah, (iii) bertingkah laku maladaptif serta (iv) terdorong untuk turut terlibat dengan salah laku jenayah bermula sejak usia muda lagi. Selain itu, bukti empirikal turut menunjukkan bahawa anak-anak juga akan terlibat dalam kesalahan jenayah sekiranya ibu atau bapa mereka mempunyai sejarah keterlibatan dengan masalah penagihan dadah atau menjual senjata api (Taylor, 2015; Shore et al. 2020).

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Lansford (2018) mendapati bahawa golongan remaja yang berada dalam peringkat usia antara 12 hingga 17 tahun lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan masalah antisosial sekiranya ibu atau bapa mereka pernah terlibat dengan aktiviti jenayah,

sebaliknya Moffitt (2011) menyatakan bahawa tingkah laku devian merupakan suatu perlakuan yang boleh dipelajari oleh anak-anak menerusi ahli keluarga mereka serta tidak diwarisi secara biologi. Seterusnya, satu kajian longitudinal yang telah dijalankan terhadap golongan muda yang berusia antara 18 hingga 23 tahun mendapati bahawa individu yang mempunyai ibu atau bapa yang pernah terlibat dengan aktiviti jenayah adalah 3.8 kali lebih berisiko tinggi untuk terjebak dengan jenayah kekerasan apabila meningkat dewasa (Taylor, 2015).

Penglibatan ibu atau bapa dalam masalah penyalahgunaan dadah menyebabkan anak mereka tiga kali lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan perlakuan yang sama setelah meningkat dewasa (Baillargeon et al. 2012). Alcock et al. (2018) menjelaskan bahawa golongan lelaki yang berusia antara 18 hingga 23 tahun yang mempunyai bapa yang pernah terlibat dengan aktiviti jenayah adalah 3.5 kali lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan perlakuan yang sama berbanding dengan individu lain yang tidak mempunyai sejarah keterlibatan dengan kesalahan jenayah dalam keluarga mereka. Selain itu, Moffit (2011) mendapati bahawa golongan dewasa yang berusia antara 29 hingga 52 tahun yang mempunyai ibu atau bapa yang pernah terlibat dengan kesalahan jenayah berisiko tinggi untuk terlibat dengan jenayah kekerasan.

## **Faktor Rakan Sebaya**

Faktor rakan sebaya yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu; (i) penerimaan rakan sebaya dan (ii) pengaruh rakan sebaya.

### *Penerimaan Rakan Sebaya*

Penerimaan rakan sebaya pada zaman persekolahan mewujudkan perasaan yakin terhadap diri sendiri serta mendorong seseorang individu untuk meluaskan jaringan sosial bersama individu lain yang sebaya dengan mereka (Ulmer & Steffensmeier, 2014). Terdapat bukti empirikal menunjukkan bahawa faktor penolakan rakan sebaya pada zaman persekolahan menyebabkan seseorang remaja mula memberontak serta mahukan perhatian dan penerimaan daripada kawan-kawan yang seusia dengan mereka (Beaver & Belsky, 2012). Satu kajian yang telah dijalankan oleh Baillargeon et al. (2012) mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku agresif serta berpengalaman dipinggirkan/diasingkan oleh rakan sebaya pada zaman persekolahan adalah lebih berisiko tinggi untuk terjebak dengan masalah disiplin di sekolah berbanding dengan kanak-kanak yang diterima dengan baik oleh rakan-rakan mereka. Bagi golongan kanak-kanak, penerimaan daripada rakan sebaya adalah elemen penting dalam kehidupan mereka kerana ia mampu meningkatkan tahap keyakinan diri serta mewujudkan perasaan bahawa diri mereka merupakan sebahagian daripada sebuah kumpulan (Youth Violence and Juvenile Justice, 2013).

Faktor penolakan daripada rakan sebaya berperanan sebagai pembolehubah pengantara yang menyumbang kepada risiko keterlibatan dengan tingkah laku devian (Beaver & Belsky, 2012). Secara lazimnya, faktor penolakan daripada rakan sebaya menyebabkan individu berasa malu kerana diri mereka tidak diterima oleh orang lain serta mula terlibat dengan tingkah laku maladaptif (Baillargeon et al. 2012). Selain itu, menurut Lansford (2018) sebanyak lima hingga 10 peratus daripada kanak-kanak yang mempunyai pengalaman diasangkkan atau dibuli pada zaman persekolahan lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku antisosial apabila meningkat dewasa. Tambahan pula, faktor penolakan daripada rakan sebaya menyebabkan individu mula bersikap bias, melihat rakan mereka sebagai musuh serta gagal mengawal tingkah laku agresif (Baillargeon et al. 2012).

### *Pengaruh Rakan Sebaya*

Bukti empirikal menunjukkan bahawa seseorang remaja terlibat dengan tingkah laku devian kerana dipengaruhi oleh rakan sebaya yang mempunyai pelbagai persamaan dengan diri mereka khususnya daripada aspek karakter, umur, jantina, agama dan kelas sosial (Van Hulle et al. 2009). Secara

lazimnya, seseorang remaja terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya untuk terlibat dengan aktiviti jenayah memandangkan perlakuan tersebut mampu memberi faedah kepada diri mereka sendiri terutamanya dari aspek: (i) peningkatan taraf/status dalam kalangan rakan sebaya, (ii) mendapat perlindungan daripada rakan-rakan daripada geng/kumpulan yang sama, (iii) menghilangkan perasaan bosan serta (iv) berpeluang untuk mendapat wang yang banyak dengan cara yang mudah (Wong et al. 2010; Baillargeon et al. 2012; Buckley et al. 2017; Lansford, 2018; Shore et al. 2020).

Secara lazimnya, situasi seseorang remaja yang terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya untuk terlibat dengan tingkah laku devian dikenali sebagai “*deviancy training*” (Yavuzer & Karatas, 2013). Menurut Yavuzer dan Karatas (2013), *deviancy training* akan bertambah kukuh dalam kalangan golongan lelaki sekiranya mereka kerap berbincang mengenai topik-topik yang berkaitan dengan jenayah apabila berkumpul atau berjumpa satu sama lain. Selain itu, Taylor (2015) menjelaskan bahawa individu yang berada dalam lingkungan usia 12 hingga 17 tahun lebih mudah terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya untuk terlibat dengan tingkah laku devian berbanding dengan golongan dewasa. Selain itu, satu kajian longitudinal yang telah dijalankan oleh Fleming et al. (2010) mendapatkan bahawa remaja yang terlibat dengan masalah pergaduhan dan penyalahgunaan alkohol bersama rakan-rakan mereka adalah lebih berisiko tinggi untuk terjebak dengan jenayah harta benda sebelum mencapai usia 19 tahun.

## Faktor Persekolahan

Faktor persekolahan yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu; (i) kekurangan komitmen terhadap pelajaran dan (ii) pencapaian akademik yang rendah.

### *Kekurangan Komitmen Terhadap Pelajaran*

Faktor kekurangan komitmen terhadap pelajaran menyebabkan seseorang remaja mempunyai motivasi yang rendah untuk hadir ke sekolah serta tidak mempunyai aspirasi yang tinggi untuk menyerlah dalam bidang akademik (Buckley & Chapman, 2017). Motivasi terhadap pelajaran yang rendah juga mendorong seseorang remaja untuk ponteng sekolah serta mula terlibat dengan aktiviti antisosial bersama rakan-rakan yang seusia dengan mereka (Buckley & Chapman, 2017). Satu kajian yang telah dijalankan oleh Brezina (2010) menunjukkan bahawa golongan remaja yang ponteng sekolah seawal usia 15 tahun lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku antisosial apabila meningkat dewasa. Selain itu, Baillargeon et al. (2012) menjelaskan bahawa remaja lelaki yang mempunyai pencapaian akademik dan motivasi terhadap pelajaran yang rendah berasa lebih selesa untuk berada di luar premis persekolahan serta mudah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial seperti melepak, merokok dan membuli orang lain.

Baillargeon et al. (2012) menjelaskan bahawa aspirasi yang rendah terhadap pelajaran menyebabkan seseorang remaja berpotensi tinggi untuk terjebak dengan tingkah laku devian apabila menjangkau usia 14 hingga 16 tahun. Selain itu, Van Hulle et al. (2009) menyatakan bahawa faktor keciciran dalam pelajaran menyebabkan seseorang remaja suka ponteng sekolah serta mula meluangkan masa lapang bersama rakan-rakan yang mempunyai masalah tingkah laku yang sama. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Van Hulle et al. (2009) mendapatkan bahawa remaja yang gemar ponteng sekolah lebih cenderung untuk terlibat dengan jenayah kekerasan apabila meningkat dewasa sebaliknya faktor dibuang sekolah semasa berusia 15 tahun menyebabkan seseorang remaja berisiko tinggi untuk terlibat dengan salah laku jenayah apabila meningkat dewasa.

### *Pencapaian Akademik yang Rendah*

Bukti empirikal menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan intelektual yang rendah kurang berminat terhadap pelajaran, kerap ponteng sekolah serta mudah terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya untuk terlibat dengan gejala antisosial (Ulmer & Steffensmeier, 2014). Menurut Yavuzer dan Karatas (2013), perkembangan kognitif yang rendah (IQ) merupakan faktor peramal signifikan

yang mendorong seseorang individu (golongan kanak-kanak/remaja/dewasa) untuk terlibat dengan kesalahan jenayah. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Yavuzer dan Karatas (2013) mendapatkan bahawa individu yang tidak pernah terlibat dengan kesalahan jenayah mempunyai tahap kecerdasan minda yang sederhana (IQ – 101), sebaliknya individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah mempunyai tahap kecerdasan minda yang rendah (IQ – 88). Selain itu, Yavuzer dan Karatas (2013) turut menjelaskan bahawa kanak-kanak yang mempunyai tahap kecerdasan minda yang rendah gagal menunjukkan komitmen terhadap pelajaran serta mempunyai masalah disiplin di sekolah berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai tahap kecerdasan minda yang tinggi. Tambahan pula, Mash et al. (2010) dan Doran et al. (2012) mendapatkan bahawa pencapaian akademik yang lemah serta tahap kecerdasan minda yang rendah menyebabkan seseorang individu berhadapan dengan masalah untuk mengawal emosi serta mempunyai kemahiran komunikasi yang lemah.

### **Faktor Komuniti**

Faktor komuniti yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti jenayah dapat dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu; (i) kemiskinan dan (ii) kawasan berisiko tinggi.

#### *Kemiskinan*

Jurang sosial yang wujud antara golongan kaya dan golongan miskin bukan sahaja mewujudkan pecahan dalam kelas sosial bahkan ia turut mendorong individu daripada kelas sosial bawahan untuk terlibat dengan kegiatan tidak bermoral seperti mencuri, merompak dan memeras ugut orang awam bagi memenuhi keperluan diri mereka (Doran et al. 2012). Hasil kajian Beaver dan Belsky (2012) mendapatkan bahawa individu yang dibesarkan dalam keluarga yang berpendapatan rendah lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan aktiviti jenayah seperti mencuri dan merompak berbanding dengan individu yang dilahirkan dalam kelas sosial pertengahan dan atasan. Menurut Lynam et al. (2009), individu daripada kelas sosial pertengahan dan bawahan lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku antisosial kerana dibelenggu dengan masalah pengangguran, kemiskinan dan tahap pendidikan yang rendah.

Keputusan analisis-meta membuktikan bahawa masalah kemiskinan merupakan faktor utama yang mendorong golongan muda untuk terlibat dengan tingkah laku devian (Brezina, 2010). Secara amnya, masalah kemiskinan menyebabkan proses transisi dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa awal terjejas memandangkan kebanyakannya daripada keperluan asas yang diperlukan oleh seseorang individu pada peringkat usia tersebut tidak dapat dipenuhi oleh ibu bapa atau penjaga mereka (Ulmer & Steffensmeier, 2014). Selain itu, menurut Brezina (2010) faktor kemiskinan, saiz keluarga yang besar serta status pekerjaan yang tidak tetap menyebabkan golongan lelaki lapan kali lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan kegiatan jenayah seperti mencuri, merompak, pecah masuk rumah, meragut dan memeras ugut orang awam.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Brezina (2010) mendapatkan bahawa golongan lelaki yang berada dalam lingkungan usia 15 hingga 18 tahun lebih cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku devian kerana berhadapan dengan masalah pengangguran. Secara amnya, tekanan kehidupan yang tinggi akibat daripada masalah pengangguran mendorong seseorang individu untuk terjebak dengan salah laku jenayah kerana memerlukan duit untuk membeli keperluan asas seperti makanan dan minuman (Lynam et al. 2009).

#### *Kawasan Berisiko Tinggi*

Doran et al. (2012) mengklasifikasikan sesuatu persekitaran sosial sebagai kawasan berisiko tinggi sekiranya wujud elemen berisiko seperti: (i) tingkat pendapatan di bawah garis kemiskinan, (ii) pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi, (iii) tahap pengangguran yang tinggi dalam kalangan golongan lelaki serta (iv) kadar buang sekolah yang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah yang belajar di kawasan tersebut. Kajian menunjukkan bahawa remaja lelaki yang tinggal di kawasan berisiko tinggi lebih cenderung untuk terjebak dengan aktiviti jenayah berbanding dengan remaja

perempuan yang tinggal di kawasan perumahan yang sama (Alcock et al. 2018). Selain itu, Lyman et al. (2009) menjelaskan bahawa kawasan berisiko tinggi turut berperanan sebagai faktor mediator dan faktor moderator dalam meramal keterlibatan seseorang individu dengan salah laku jenayah. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Lyman et al. (2009) mendapati bahawa kanak-kanak yang membesar di kawasan setinggan lebih berisiko tinggi untuk terlibat dengan kesalahan jenayah berbanding dengan kanak-kanak yang tinggal di kawasan perumahan yang kondusif.

Golongan muda yang tinggal di kawasan perumahan yang berisiko tinggi lebih banyak terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah kerana mempunyai kawalan sosial dan semangat kejiraninan yang rendah (Moffitt, 2011). Selain itu, faktor ketersediaan dadah dan alkohol dalam sebuah komuniti (kawasan perumahan) juga menyebabkan golongan muda yang berusia antara 10 hingga 18 tahun untuk terlibat dengan kesalahan menghisap dadah jenis kanabis dan kokain (Baillargeon et al. 2012).

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa faktor berisiko yang mendorong seseorang individu untuk terjebak dengan tingkah laku devian adalah berbeza dari satu individu kepada individu yang lain. Oleh yang demikian, langkah pencegahan yang bersifat multi-dimensi adalah amat diperlukan bagi mengawal risiko keterlibatan golongan muda dengan masalah antisosial. Oleh itu, dicadangkan agar strategi pencegahan dimulakan dari peringkat sekolah tadika lagi, iaitu guru tadika perlu memberi perhatian terhadap perlakuan anak murid mereka dari masa ke semasa serta terus berhubung dengan pakar bidang kanak-kanak sekiranya mendapati bahawa anak murid mereka menunjukkan ciri-ciri tingkah laku berisiko.

Seterusnya, disarankan agar golongan pendidik di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya mengenal pasti pelajar-pelajar yang menampilkan perwatakan yang berisiko tinggi seperti mudah marah atau bertingkah laku agresif agar sesi kaunseling/terapi pemulihan tingkah laku dapat diberikan dari peringkat awal lagi. Selain itu, sistem kurikulum di sekolah seharusnya mendidik dan memberi kesedaran kepada pelajar agar tidak terlibat dengan kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, disyorkan agar program-program kesedaran seperti: (i) pencegahan keganasan, (ii) pencegahan ponteng sekolah dan (iii) pencegahan membuli dipraktikkan sepenuhnya dalam sistem pengajaran dan pembelajaran serta dipantau oleh pihak kaunselor dan guru disiplin agar penularan tingkah laku devian dapat dikurangkan pada masa hadapan.

## Rujukan

- Alcock, B., Gallant, C. & Good, D. (2018). The Relationship between Concussion and Alcohol Consumption among University Athletes. *Addict Behaviour Rep*; 6(7): 58-64.
- Australian Institute of Criminology. (2012). Australian Crime: Facts and Figures. Canberra: Australian Institute of Criminology.
- Baillargeon, A., Lassonde, M., Leclerc, S. & Ellemborg, D. (2012). Neuropsychological and Neurophysiological Assessment of Sport Concussion in Children, Adolescents and Adults. *Brain Injury*; 26: 211-20.
- Barnes, J.C. & Jacobs, B.A. (2013). Genetic Risk for Violent Behaviour and Environmental Exposure to Disadvantage and Violent Crime: The Case for Gene–Environment Interaction. *Journal of Interpersonal Violence*; 18 (1): 92-120.
- Beaver, K.M. & Belsky, J. (2012). Gene-Environment Interaction and the Intergenerational Transmission of Parenting: Testing the Differential-Susceptibility Hypothesis. *Psychiatric Quarterly*; 83: 29-40.
- Bersani, B.E., Nieuwbeerta, P. & Laub, J.H. (2009). Predicting Trajectories of Offending Over the Life Course: Findings from a Dutch Conviction Cohort. *Journal of Research in Crime and Delinquency*; 46: 468–494.
- Brezina, T. (2010). Anger, Attitudes, and Aggressive Behaviour: Exploring the Affective and Cognitive Foundations of Angry Aggression. *Journal of Contemporary Criminal Justice*; 26 (2): 186-203.
- Buckley, L. & Chapman, R.L. (2017). Associations between Self-Reported Concussions with Later Violence Injury among Australian Early Adolescents. *Journal of Public Health*; 39: 52-57.
- Child Welfare League of America. (2015). <https://www.cwla.org/>.

- Cui, L., Morris, A.S., Criss, M.M., Houlberg, B.J. & Silk, J.S. (2014). Parental Psychological Control and Adolescent Adjustment: The Role of Adolescent Emotion Regulation. *Parent Sci. Pract*; 14: 47-67.
- Cusimano, M.D. & Nastis, S. & Zuccaro, L. (2013). Effectiveness of Interventions to Reduce Aggression and Injuries among Ice Hockey Players: A Systematic Review. *CMAJ*; 185: 57–69.
- Doran, N., Luczak, S.E., Koutsenok, N.B.I. & Brown, S.A. (2012). Adolescent Substance Use and Aggression: A Review. *Criminal Justice and Behaviour*; 39 (6): 748-769.
- Federal Bureau of Investigation. (2012). Uniform Crime Reports. <https://ucr.fbi.gov/crime-in-the-u.s./2012/crime-in-the-u.s.-2012>.
- Fleming, C.B., Catalano, R.F., Haggerty, K.P. & Abbott, R.D. (2010). Relationships between Level and Change in Family, School, and Peer Factors during Two Periods of Adolescence and Problem Behaviour at Age 19. *Journal of Youth and Adolescence*; 39: 670-682.
- Lansford, J.E. (2018). Development of Aggression. *Current Opinion in Psychology*; 19:17-21.
- Lynam, D.R., Caspi, A., Moffitt, T.E., Wilkström, P.O., Loeber, L. & Novack, S. (2009). The Interaction between Impulsivity and Neighbourhood Context on Offending: The Effects of Impulsivity are Stronger in Poorer Neighbourhoods. *Journal of Abnormal Psychology*; 109: 563-674.
- Mash, E.J. & Wolfe, D.A. (2010). *Abnormal Child Psychology* (4th Ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Mmari, Kristin N., Robert W.B. & Nicolette, T.S. (2010). What Increases Risk and Protection for Delinquent Behaviours among American Indian Youth? Findings from Three Tribal Communities. *Youth and Society*; 41(3): 383-413.
- Moffitt, T.E., Ross, S. & Raine, A. (2011). *Crime and Biology*. New York, NY: Oxford.
- National Longitudinal Survey of Children and Youth. (2011). Department of Justice Canada. Ottawa, Ontario.
- Piquero, A.R. (2011). James Joyce, Alice in Wonderland, the Rolling Stones, and Criminal Careers. *Journal of Youth and Adolescence*; 40: 761-775.
- Reingle, Jennifer M., Wesley G. Jennings, M.M. & Maldonado, M. (2012). Risk and Protective Factors for Trajectories of Violent Delinquency among a Nationally Representative Sample of Early Adolescents. *Youth Violence and Juvenile Justice*; 10(3): 261-277.
- Sadzaglishvili, S. (2016). Reconstructing Social Welfare Institutions and Building a Professional Social Work Workforce in Post-Soviet Georgia: An Ecological Systems Framework. *International Social Work*; 1-11.
- Shore, J. & Janssen, I. (2020). Adolescents' Engagement in Multiple Risk Behaviour is Associated with Concussion. *Injury Epidemiology*; 7(6): 1-5.
- Taylor, C.J. (2015). Gendered Pathways to Recidivism: Differential Effects of Family Support by Gender. *Women & Criminal Justice*; 25 (3): 169-183.
- Ulmer, J. & Steffensmeier, D. (2014). *The Age and Crime Relationship: Social Variation, Social Explanations*. Newbury Park, CA: Sage.
- Van Hulle, C.A., Waldman, I.D., D'Onofrio, B.M., Rodgers, J.L., Rathouz, P.J. & Lahey, B.B. (2009). Developmental Structure of Genetic Influences on Antisocial Behaviour across Childhood and Adolescence. *Journal of Abnormal Psychology*; 118: 711-721.
- Vincent, G.M., Laura S.G. & Thomas, G. (2012). *Risk Assessment in Juvenile Justice: A Guidebook for Implementation*. New York, N.Y.
- Wong, T.M.L., Slotboom, A. & Bijleveld, C.C.J. (2010). Risk Factors for Delinquency in Adolescent and Young Adult Females: A European Review. *European Journal of Criminology*; 7: 266-284.
- Yavuzer, Y. & Karatas, Z. (2013). The Mediating Role of Anger in the Relationship between Automatic Thoughts and Physical Aggression in Adolescents. *Turkish Journal of Psychiatry*; 24 (2): 117-123.
- Youth Violence and Juvenile Justice. (2013). <https://public.psych.iastate.edu/caa/abstracts/2010-2014/13DVGAS.pdf>.